

Ibu bapa gembira Aziana Aniza genggam Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian

UB 05.07.2022 P.04

KOTA KINABALU: Tiada siapa yang tahu perasaan gembira kedua-dua ibu bapa yang datang menyaksikan istiadat penyerahan sekaligus ijazah untuk anak mereka yang bertungkus lumus menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Kedua-dua ibu bapa Aziana Aniza, Anis @ Abdul Gapar Libou dan Ajjiah Haji Musnih meluahkan kegembiraan mereka di Dewan Canselor UMS dengan penuh gaya berpakaian tradisi suku kaum Murut dari Pensiangan.

Abdul Gapar berasal dari Kampung Samarurul, Pensiangan kini bertugas di Pejabat KPD Beaufort manakala isteri beliau seorang pesara jururawat berasal dari Kampung Kukuro, Beaufort.

Anak mereka, Aziana Aniza yang mengambil jurusan di Fakulti Kejuruteraan UMS merupakan anak kedua daripada tiga beradik.

Ibunya, Ajjiah berkata Aziana sememangnya tekun belajar walaupun kemampuan menimba ilmu di menara gading amat getir dibayai namun berkat doa ke-



BANGGA: Anis @ Abdul Gapar bangga berpakaian tradisi suku kaum Murut dari Pensiangan.

uarga akhirnya pengurniaan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dapat dimiliki juga akhirnya.

Sementara bapanya, Anis @ Abdul Gapar berkata segala kejayaan memerlukan pengorbanan ikhlas di samping menyerahkan selebihnya

kepada Allah Taala.

“Alhamdulillah niat yang ikhlas dan murni telah tertunai dengan linangan air mata kegembiraan,” katanya.

Bagi Aziana Aniza pula, menimba ilmu perlu ada kesabaran dan ketekunan serta yakin kepada diri sendiri walaupun menempuh pelbagai cabaran.

“Saya sentiasa berdoa kepada Allah dan sentiasa menunaikan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya.

“Di samping doa daripada kedua-dua ibu bapa, saya juga mendapat dorongan daripada bapa dan ibu saudara iaitu Amat Jutrah Haji Musnih dan Dang Normah serta keluarga,” katanya selepas Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-23 pada 25 – 27 Jun lalu.

Aziana Aniza tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang banyak berkorban dan membimbing beliau selama ini.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pihak UMS dan rakan-rakan yang turut membantu beliau menempa kejayaan yang sangat bermakna ini.



RAIKAN KEJAYAAN: Aziana Aniza bersama kedua-dua ibu bapanya, Anis dan Ajjiah.



GEMBIRA: Aziana Aniza bersama bapa saudara, Amat Jutrah (kiri) dan ibu saudara Dang Normah (dua kiri).